Program ini telah diadakan pada 26 Ogos hingga 30 September 2015 di sekitar Dewan Kuliah Utama Politeknik Nilai dan majlis penutupnya telah diadakan di Dewan Sri Putra Politeknik Nilai.

Program ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada pelajar Politeknik Nilai berlatih berucap di khalayak ramai di luar bilik kuliah menggunakan Bahasa Inggeris. Program ini mendapat penyertaan seramai 24 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 1 hingga semester 6.

Pelajar-pelajar Politeknik Nilai nampak lebih yakin untuk menggunakan Bahasa Inggeris dan mereka merasakan program yang telah dijalankan sangat menarik dan sangat membantu mereka dalam meningkatkan keyakinan dan penguasaan Bahasa Inggeris untuk berucap di khalayak ramai.



Lawatan Akademik

- Lawatan Sambil Belajar - Pemantapan Akidah melalui Ilmu Falaq
- Iftar Pelajar PNS di masjid-masjid luar
- Lawatan Pelajar ke Persatuan Rumah Kebajikan Rita
- Lawatan ke Rumah Anak Yatim bagi Pelajar Non Muslim.

Kursus

- Kursus Persediaan MUET
- Kursus Solat Sempurna
- Iftar Asnaf
- Khidmat Masyarakat di Rumah Anak Yatim Sri Sai

Perkongsian Ilmu

- PNS X-Factor
- Ceramah Pidato
- Enculturation Programme OH MY ENGLISH' Politeknik Malaysia
- English X-Factor Competition 2015

Program Akademik

- Bengkel Pembangunan Bahasa Inggeris
- English Enhancement Programme
- English Enhancement Camp Peringkat Kebangsaan
- Debate Seminar and Competition 2015
- Seminar Pengajian Malaysia

Jabatan Matematik Sains



*“Walaupun pahit untuk
diluahkan sebenarnya
kata kata yang benar itu
akan membahagiakan
kamu*

Nor Liza Binti Kasim
Ketua Jabatan Matematik Sains Komputer

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) mempunyai seramai 6 orang staf yang diterajui oleh Puan Nor Liza binti Kasim selaku ketua jabatan. JMSK berperanan menyokong semua jabatan induk dalam menyampaikan kursus Matematik, Aplikasi Komputer dan Sains Kejuruteraan kepada keseluruhan pelajar Politeknik Nilai. Jumlah pensyarah yang terlibat adalah seramai 6 orang yang terdiri daripada seorang pemegang Ijazah Sarjana dan 5 orang Ijazah Sarjana Muda.

JMSK telah berkolaborasi bersama Majlis Belia Felda Wilayah Trolak dan bertindak sebagai penyelar program Corporate Social Responsibility (CSR) kepada warga Felda Trolak dan menganjurkan aktiviti seperti gotong-royong surau, kelas matematik dan projek anak angkat.

Fasiliti JMSK

- Makmal Komputer
- Makmal Sains Kejuruteraan

STAF



1 KETUA JABATAN

5 PENSYARAH

1- Sarjana

5 Sarjana Muda



KUIZ MATEMATIK (3 Julai 2015)

Program ini telah diadakan di Dewan Kuliah Utama Politeknik Nilai. Program ini bertujuan untuk menarik minat pelajar terhadap bidang matematik dan menggalakkan penguasaan ilmu matematik dalam kalangan pelajar Politeknik Nilai.

Program ini telah disertai 9 orang pelajar yang mewakili 3 jabatan induk (3 orang setiap jabatan) dan dihadiri oleh 200 orang penonton. Pertandingan ini telah dimenangi oleh peserta daripada Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri. Program ini telah memberi impak kepada pelajar yang mengikuti program ini (peserta dan penonton) dari segi pemahaman dan penguasaan elemen-elemen ilmu matematik



KEM MOTIVASI MATEMATIK (6 – 8 Julai 2015)

Program ini telah diadakan di Dewan Kuliah Utama Politeknik Nilai. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam bidang matematik dan memudahkan pelajar memahami matematik dengan lebih mendalam. Program ini telah melibatkan 160 orang pelajar semester satu yang terdiri daripada wakil setiap jabatan induk. Pengisian program ini adalah merangkumi tajuk Algebra dan Trigonometri dengan penekanan teknik belajar dengan mudah. Program ini telah memberi impak kepada pelajar yang mengikuti program ini dari segi penguasaan dan memberi motivasi kepada pelajar untuk terus mendalami ilmu matematik berdasarkan penggunaan dan aplikasi dalam kehidupan seharian.



Unit Peperiksaan

Unit Peperiksaan Politeknik Nilai, Negeri Sembilan bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti peperiksaan. Unit ini diketuai oleh Ketua Unit Peperiksaan dan dibantu oleh seorang Pegawai Peperiksaan dan Penyelaras Peperiksaan Jabatan Akademik. Unit Peperiksaan bertanggungjawab terhadap segala aktiviti berhubung peperiksaan akhir semester di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik Politeknik Nilai, Negeri Sembilan (PNS) bertanggungjawab terhadap segala aktiviti berhubung peperiksaan akhir di politeknik mengikut peruntukan dan garis panduan seperti seperti yang terkandung di dalam "Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 12 Februari 2009.




PENGANJURAN BENGKEL PEMURNIAN DERAJ ITEM PEPERIKSAAAN SESI JUN 2015


Pada 1 hingga 3 September 2015, Unit Peperiksaan telah menganjurkan Bengkel Pemurniaan Item Peperiksaan sesi Jun 2015 untuk kursus-kursus di Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri. Bengkel ini dihadiri oleh 24 orang pensyarah penggubal, 3 orang penyemak Bahasa, 3 orang panel luar dan 3 orang Ketua Panel. 24 kursus merangkumi program Diploma Bioteknologi (DBT) dan Diploma Lanskap dan Hortikultur (DLH) terlibat dalam bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk :

- mendapatkan maklumbalas tentang deraf item yang telah digubal daripada panel luar untuk digunakan pada peperiksaan akhir sesi Jun 2015.
- membuat penambahbaikan dan memberi khidmat nasihat kepada pensyarah berkenaan penggubalan deraf item yang berkualiti yang boleh digunakan oleh penggubal pada masa akan datang.
- memenuhi kehendak yang telah diputuskan oleh pihak MQA bagi tujuan pengauditan untuk akreditasi bagi Diploma Lanskap dan Hortikultur (DLH) dan Diploma Bioteknologi (DBT).

STATISTIK GRADUAN PNS 2011 -2015



STATISTIK ANUGERAH KETUA JABATAN 2015



Unit Psikologi & Kerjaya

Unit Psikologi dan Kerjaya (UPK) merupakan antara tunggak terpenting dalam pengurusan pelajar Politeknik Nilai. Ia menawarkan khidmat mesra dan profesional di dalam membantu para pelajar meningkatkan kecemerlangan diri, sahsiah dan kerjaya masa hadapan. Selain itu, ia juga berperanan membantu pelajar di dalam pelbagai aspek merangkumi penyesuaian diri di kampus, pengurusan akademik dan pembelajaran hinggalah kepada pemasalahan psikologi yang lebih kompleks. Pegawai Psikologi merupakan kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor. Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh Unit Psikologi dan Kerjaya adalah:




- kaunseling Individu
- Kaunseling Kelompok
- Bimbingan
- Intervensi Krisis
- Informasi
- Kenali potensi diri
- Pembimbing rakan siswa
- Akrab
- Akrab Siswa

KAUNSELOR



Puan Noorhamiza bt Jusoh KB,Pa,CH, CHt
Kaunselor Berdaftar Kb,Pa daripada Lembaga Kaunselor
Certified Hypnotist dan Hypnotherapist daripada Indonesian Board Of
Hypnotherapy

Statistik Perkhidmatan Kaunseling 2015



PENTAULIAHAN AKRAB SISWA

Akrab siswa merupakan inisiatif dari Jabatan Pendidikan Politeknik dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Akrab Siswa dilihat sebagai kumpulan bakat berpotensi tinggi bagi mengisi kekosongan masa depan dalam perkhidmatan awam. Seramai 9 orang pelajar PNS yang cemerlang dalam akademik atau IQ telah dilatih, dibimbing dan dididik untuk menguasai ilmu kemanusiaan, memahami dan membantu manusia dan memberi nilai tambah menggerakkan budaya membantu dan membimbing pelajar dengan lebih efisien. Pelajar tersebut telah diberi pentauliahan oleh Akrab Siswa



SOROTAN AKTIVITI UNIT PSIKOLOGI DAN KERJAYA



Pelbagai program yang diadakan bagi melahirkan modal insan yang cemerlang secara holistik



Selain kecemerlangan Akademik, ketertinggian peribadi dan sahsiah para pelajar turut dicungkil. Pelbagai aktiviti dan program telah berjaya dijalankan sepanjang tahun 2015.



Unit Jaminan Kualiti



Unit Jaminan Kualiti (UJK) bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan kualiti di Politeknik Nilai. Ia ditubuhkan pada 1 April 2014. UJK terbahagi kepada 3 bahagian iaitu kualiti, akreditasi dan KPI. UJK diketuai oleh Pn Quyrul Zeta Ishak selaku ketua unit merangkap pengurus kualiti. Bahagian akreditasi diselaraskan oleh Pn Azalinda Mat Saad dan Pn Noorazian Ismail dan bahagian KPI diselaraskan oleh Pn Nurul Izzah Binti Shaarani untuk menyelaras disekitar PNS. UJK bertanggungjawab terhadap pensijilan ISO, dan pengiktiran program akademik di PNS.

PENSIJILAN ISO 9001:2008



TARIKH AUDIT	12 dan 13 Mac 2015
KETUA AUDITOR	Pn Kamsiah Mansoor
AUDITOR	Pn Hjh Mariam Mohamed En Zin Hj Ali Borhan
DAPATAN	8 OFI tanpa sebarang NCR.
TARIKH PENSIJILAN	15 Mei 2015 – 18 Mei 2018

AUDIT DALAM (1-11 SEPT 2015)



STATUS KPI PNS

POLYPMO

• 84.14%

**SIMULASI
POLYRATE**

• 72.93%

AKREDITASI PNS

AKREDITASI PENUH

PROGRAM	NO. PENDAFTARAN	TARIKH AKREDITASI
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (E-DAGANG)	MQA / FA 3343	21/01/2013
DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM	MQA / FA 3344	21/01/2013
DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN	MQA / FA 0989	28/02/2014
DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP	MQA / FA 2237	10/11/2014
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	MQA / FA 2236	11/11/2014
DIPLOMA BIOTEKNOLOGI	MQA / FA 3091	TELAH DI AUDIT AKREDITASI PENUH PADA 14 & 15 SEPTEMBER

AKREDITASI SEMENTARA

PROGRAM	NO. PENDAFTARAN	TEMPOH SAH
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK	MQA / PA 5883	17 SEPTEMBER 2015 – 30 NOVEMBER 2017
DIPLOMA PENGURUSAN PERUNCITAN	MQA / PA 5884	1 DISEMBER 2014 – 30 NOVEMBER 2015

AUDIT PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL
PERINGKAT DUA

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah melaksanakan audit peringkat dua pada 12 dan 13 Mac 2015 di Politeknik Nilai (PNS) sebagai syarat bagi memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2008. Sebanyak 35 prosedur telah diaudit.

Proses audit telah diketuai oleh Pn Kamsiah Mansoor dan dua orang auditor iaitu Pn Hj Mariam Mohamed Zin dan Hj Ali Borhan. Antara skop yang diaudit adalah Pengukuran, Analisa dan Penambahbaikan, Realisasi & Kawalan Penyampaian Perkhidmatan dalam P&P, proses khidmat luar, keupayaan, latihan dan kesedaran, latihan industri serta tanggungjawab pengurusan. Hasil dari audit yang dilaksanakan, PNS hanya mendapat 8 OFI tanpa sebarang NCR.

TAHNYIAH SEMUA WARGA PNS ATAS
KEJAYAAN INI






AUDIT PENILAIAN PENUH DLH, DKM dan DBT

Audit penilaian penuh bagi program Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Landskap Hortikltur telah berlangsung dengan jayanya pada 11 & 12 Feb. Audit dijalankan oleh Auditor Prof. Madya Dr. Othman Mamat (UTP), Dr. Abdul Aziz Jaafar (UMP) Prof. Madya Dr. Noorizan Mohamed (UPM), Prof. Madya Dr. Ku Azhar Ku Hassan (USM) dan pegawai MQA, Pn. Naziatul Ilyana Ilyas dan Nurizumee Ramli. Manakala Audit penilaian penuh bagi program Diploma Bioteknologi berlangsung pada 14 & 15 Feb. Audit dilakukan oleh Prof Madya Dr Sreeramanan Subramaniam (USM) dan Prof Madya Dr Madihah Md. Salleh (UTM) dan pegawai MQA. Pembentangan pembukaan audit dilakukan oleh Timbalan Pengarah Akademik di bilik rafflesia Politeknik Nilai. Proses temubual telah berlangsung terhadap ketua jabatan, ketua program, pensyarah, pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar, penolong pustakawan, pegawai Hal Ehwal pelajar serta pasukan audit ISO. Tempat yang telah dilawati adalah bengkel, makmal komputer, pusat sumber, bilik kuliah dan sekitar politeknik. Semakan dokumen telah dilakukan di bilik operasi JAB dan JKM. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha mendapatkan pengiktirafan MQA.



Unit Perhubungan & Latihan Industri

Unit Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Nilai, Negeri Sembilan bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti latihan industri. Unit ini diketuai oleh Pegawai Latihan Industri, Puan Yusrita Yusop dan dibantu oleh Penyelaras Latihan Industri Jabatan Akademik.




Pembangunan Latihan & Profesionalisme

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi awam, Politeknik Nilai tidak terkecuali dari terikat dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan semua kakitangan perlu mengikuti kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun. Bagi memastikan dasar tersebut dapat dicapai, Unit


Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, mengurus, menyelaras dan memantau program latihan bagi semua kakitangan di Politeknik Nilai.

100 % staf berkursus

BILANGAN STAF YANG MENGIKUTI KURSUS MENGIKUT KATEGORI



BILANGAN KURSUS YANG DIANJURKAN DI PNS MENGIKUT KATEGORI



Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Selain daripada kursus-kursus yang tersebut, ULPL juga telah menganjurkan beberapa kursus di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Antara kursus PSH yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 ialah Kursus Dangerous Goods Management, Certificate of Logistics and Supply Chain Management dengan kerjasama The Chatered Institute Logistic and Transport (Malaysia), Kursus Asas Penanaman Cendawan dan Kursus Stepping Stone. Selain daripada itu, ULPL juga terlibat sebagai urusetia bersama dengan institusi/pihak luar menerusi program Time Sector Privatization (TSP) yang menganjurkan kursus-kursus di PNS dengan menggunakan kemudahan dan fasiliti yang terdapat di sini.



Program/kursus PSH dan TSP yang dilaksanakan di PNS sepanjang tahun 2015.

- FEB- MAC**
- Bengkel Persediaan MUET(Pelajar & Kakitangan PNS -145 peserta)
 - Bengkel Asas Sepaktakraw (MAHB - 34 peserta)
- APRIL**
- Kursus Dangerous Goods Management (Pelajar PNS - 67 peserta)
 - Kursus Kepimpinan Wanita (IKRAM-43 peserta)
- MEI**
- Bengkel Persediaan MUET (Pelajar & kakitangan PNS - 80 peserta)
- JUN**
- Kursus Pembuatan Stepping Stone (Terbuka-8 peserta)
- OGOS**
- Kursus Solat Sempurna (Terbuka - 27 peserta)
- SEPT**
- Seminar Kajian Tindakan (IPGM Raja Melewar - 58 peserta)
- OKT**
- Kursus Undang-Undang Syariah Pegawai Muda KAGAT(Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) - 35 peserta)
- NOV**
- Kursus Pengurusan Kewangan Kerajaan kepada Pengarah IPGM (IPG, KPM, Cyber Jaya - 33 peserta)
 - Kursus Asas Penanaman Cendawan (Terbuka - 22peserta)
 - Kursus Pengurusan Kewangan Kerajaan kepada Timbalan Pengarah IPGM (IPG, KPM, Cyber Jaya- 33 peserta)
 - Kursus AKRAB Tahap 2 (Inst. Pendidikan Guru Kampus Tun Hussin Onn, Seri Gading (IPGKTHO) - 15 peserta)
 - Kursus AKRAB Tahap 2(Inst. Pendidikan Guru Kampus Temenggung Ibrahim (IPGKTI) - 15 peserta)



Selain fungsi merancang, mengurus, menyelaras dan memantau program latihan bagi semua kakitangan di Politeknik Nilai, ULPL juga turut menguruskan kemudahan lodge Cemara Inn serta bilik-bilik seminar untuk kegunaan agensi/institusi/pihak luar yang ingin menganjurkan kursus/latihan/seminar di sini. Jadual di bawah menunjukkan fasiliti yang diuruskan oleh pihak ULPL bagi kegunaan kursus oleh pihak luar.



	Fasiliti	Bil/Kapasiti
Lodge Cemara Inn	Bilik VVIP	2 Bilik
	Bilik VIP	2 Bilik
	Bilik Twin Sharing (Besar)	2 Bilik
	Bilik Twin Sharing (Kecil)	4 Bilik
	Bilik Single	30 Bilik
Bilik Seminar	Bilik Seminar 1	30 Orang
	Bilik Kuliah 1	30 Orang
	Bilik Kuliah 2	30 Orang
	Bilik Latihan Komputer ULPL	20 Orang
Bilik Jamuan		30 Orang



Kelestarian Keusahawanan

Unit Keusahawanan diketuai oleh Hjh Megawati Bt. Mohd Yassin untuk menyelaras aktiviti-aktiviti keusahawanan Politeknik Nilai, Negeri Sembilan Tujuan unit ini adalah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti keusahawanan adalah untuk menanam ciri-ciri keusahawanan kepada pelajar agar selepas tamat pengajian terdapat graduan PNS berjaya menjadi usahawan.

PINGAT EMAS

'Entrepreneurship Race' Politeknik Malaysia KPM 2015,
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kulim, Kedah

FINALIST

Youth Assembly at The United Nation. New York. Feb 2015
(Pertandingan Projek NFT) Majlis Belia Malaysia

JOHAN

Online Biz Mega Expo (OBME) 2015
Business Idea: Pusat Tuisyen Poly Didik : Politeknik Melaka

NAIB JOHAN

Business Branding, Politeknik Melaka





Perhimpunan Youth Assembly at The United Nation.

Perhimpunan Youth Assembly at The United Nation, New York telah diadakan di New York pada 11-12 Februari 2015. Perhimpunan ini telah disertai oleh seorang pelajar Diploma Landscape dan Hortikultur (Samsol Bahari Bin Hamdan) dan diiringi oleh seorang pensyarah (Pn Suraya Binti Warif). Projek pelajar telah berjaya keperingkat akhir untuk projek NFT Salad. Impak daripada program ini ialah projek NFT Salad PNS telah berjaya dikenali di peringkat antarabangsa.

Hari Keusahawanan Kampus 2015 berlangsung pada 30 September 2015 di Dataran Pelajar PNS bertujuan untuk membantu para pelajar seramai 150 orang yang mengambil kursus PB 201: Entrepreneurship Sesi Jun 2015 melaksanakan projek keusahawanan secara autentik. Impak daripada program ini ialah pelajar diasah bakat keusahawanan secara praktikal dan mampu mengatasi cabaran sebenar bidang keusahawanan.



Hari Keusahawanan Kampus 2015



OBME 2015 yang dianjurkan oleh Politeknik Melaka berlangsung pada 12 -13 sept 2015 di Hall A Melaka International Trade Centre (MITC). 17 Peserta PNS (pelajar, 15 orang dan pensyarah, 2 orang) berpeluang menyertai pertandingan dan pameran. Impak daripada program ini ialah pelajar mempraktikkan ciri-ciri komunikasi semasa menyambut tetamu di khemah pameran dan pertandingan yang disertai.

Program Pembangunan Rancangan Perniagaan (RP) telah berlangsung pada 26-27 Ogos 2015 di Dewan Sri Putra, PNS bagi membolehkan seramai 100 orang pelajar kursus PB 201: Entrepreneurship bagi Sesi Jun 2015 mempelajari teknik membuat Rancangan Perniagaan daripada Dr Baharuddin Bin Mohamad yang merupakan seorang usahawan yang berjaya. Impak daripada program ini ialah pelajar telah berjaya menghasilkan Rancangan Perniagaan yang dinilai oleh seorang usahawan.



Program Pembangunan Rancangan Perniagaan



Gerai Konvokesyen 2015 berlangsung pada 27-28 Mac 2015 telah dibuka dengan tujuan untuk membolehkan pelajar seramai 120 orang yang mengambil kursus PB 201: Entrepreneurship Sesi Dis 2014 melaksanakan projek keusahawanan secara autentik. Pelajar dari Politeknik Banting dan peniaga berdekatan juga turut serta. Impak daripada program ini ialah pelajar diasah bakat keusahawanan secara praktikal dan mampu mengatasi cabaran sebenar bidang keusahawanan.

**Gerai Konvokesyen
2015**

PNS BizzCamp 2015 berlangsung pada 20-22 Ogos 2015 di D'Impian Resort & Training Centre, Parit Kassim, Muar, Johor dengan tujuan untuk membantu para pelajar seramai 30 orang menambah pendapatan dengan menjalankan perniagaan serta mampu berdikari dengan menjalankan perniagaan selepas menamatkan pengajian. Impak daripada program ini ialah pelajar mempraktik budaya keusahawanan hasil daripada aktiviti yang dilaksanakan.



PNS BizzCamp 2015

**Bengkel Keusahawanan
Inkubator Turf**



Bengkel Keusahawanan Inkubator Turf dan Tanaman Hiasan telah dijalankan pada 7-9 September 2015 di PNS dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada 21 pelajar dalam bidang Landskap dan Hortikultur kemahiran praktikal merekabentuk dan membina taman. Penceramah ialah daripada Olie Scape Holdings Sdn Bhd, Johor Bahru. Impak daripada program ini ialah para peserta telah membina satu taman yang indah di kawasan PNS.

Inkubator-inkubator PNS

PNS pada tahun 2015 telah berjaya menubuhkan lapan inkubator. Tujuan penubuhan inkubator adalah untuk memberi pengalaman kepada pelajar menjalankan projek keusahawanan secara experiential. Inkubator-inkubator tersebut ialah:

Trigona Edible Garden
(Madu kelulut dan taman)




Fetigasi



Turf dan Tanaman Hiasan



Retail Mart Simulation



NFT Salad



Rakan Pluerotus
(Cendawan)



Baja Kompos



Penyelidikan & Inovasi

Unit Penyelidikan dan Inovasi ditubuhkan di Politeknik Nilai pada tahun 2011 dan diketuai oleh Pn Halimah Che Hassan serta penyelarass-penyelarass di setiap jabatan . UPI berperanan membudayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan kakitangan dan pelajar Politeknik Nilai.

PENCAPAIAN

6 Inovasi dari 3 Jabatan iCompEX Peringkat Kebangsaan

5 Inovasi Peringkat Antarabangsa 1 oleh JAB - Pertandingan Floria


2 oleh JP - IIDEX

2 oleh JKM - AiNEX




Inovasi PNS


TABURAN BILANGAN STAF



BILANGAN KERTAS PENYELIDIKAN



Pencapaian Inovasi PNS (Antarabangsa)





Penganjuran seminar penyelidikan politeknik zon selatan berlangsung pada 17 Ogos 2015. Tema RISE 2015 "Research and Innovation towards Green Living" dipilih berdasarkan keperluan dan gabungan generik bidang tujuhan politeknik zon selatan. Seramai 24 orang peserta telah membenteng dengan fokus pembentangan adalah berkaitan dengan sub-tema berikut:

- a. Pengurangan penggunaan sumber
- b. Penghapusan pembaziran sumber
- c. Konsep kitar semula
- d. Konsep penggunaan semula
- e. Pengekalan alam dan persekitaran semulajadi
- f. Pembangunan sikap positif komuniti TVET terhadap 'eco-friendly and green environment'
- g. Pembangunan 'renewable energy'.



Jaringan Industri & Institusi

Unit CISEC PNS diketuai oleh Pn Kalsom bt Sailan dengan dibantu oleh Pegawai 1L5G Pn Siti Mas Irdawati bt Mohd Shahroon dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri, Pn Sofiah bt Sobi dari Jabatan Perdagangan dan En Roslan bin Kamaruddin dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

- MY ENZYME SDN BHD - JAB
- V-VISION SDN BHD - JAB
- USS ENGINEERING SDN BHD - JKM
- PEARL HAYA SDN BHD - JP
- PREMIER PATH SDN BHD - JP
- DGM - JP
- YUSDI AGENCY DARI MCIS INSURANCE - JP
- KM PERFORMANCE MANAGEMENT AND TRAINING SDN BHD - CISEC

9 Industri

- AGENSI NUKLEAR MALAYSIA - JAB
- MAJLIS BELIA FELDA WILAYAH TROLAK - JMSK
- KOLEJ KOMUNITI JELEBU - ULPL PNS
- KOLEJ KOMUNITI REMBAU - ULPL PNS
- KOLEJ KOMUNITI TAMPIN - ULPL PNS
- KOLEJ KOMUNITI JEMPOL - ULPL PNS

6 Agensi Kerajaan





**MESYUARAT JAWATANKUASA PANEL PENASIHAT INDUSTRI
PADA 19 SEPTEMBER**

**PROGRAM LAWATAN & KHIDMAT MASYARAKAT PNS BERSAMA
RAKAN KOLABORASI MAJLIS BELIA FELDA WILAYAH TROLAK
PADA 9,10 & 11 MEI**



PROGRAM FINISHING SCHOOL 26 PELAJAR DLH6 “ACREDITATION CIDB LEVEL 2”
PADA 8 OKTOBER DI KAWASAN BANGUNAN PENTADBIRAN PNS



PROGRAM FINISHING SCHOOL 19 PELAJAR DKM6 “AUTODESK INVENTOR”
PADA 7-10 NOV DI MAKMAL AUTOCAD 2, PNS



PROGRAM FINISHING SCHOOL 17 PELAJAR DBT6 “BIOTECH EXECUTIVE SPECIAL TRAINING”
PADA 16-23 NOV DI BKT 11, PNS



Pembangunan Insaniah

Pada tahun 2015, PNS telah menganjurkan dan terlibat dalam pelbagai program ke arah membangunkan nilai-nilai akhlak murni pada diri para pelajar. Secara keseluruhannya, program-program ini bertujuan untuk membentuk jati diri dan sifat kepimpinan pelajar dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Melalui aktiviti-aktiviti ini adalah diharapkan dapat melahirkan pemimpin yang cemerlang, cekap dan amanah dalam menjalankan tugas. Selain itu, ia dapat meningkatkan semangat kerjasama berpasukan dan ukhwah dikalangan pelajar.

UNIT PSIKOLOGI

Antara program yang dianjurkan oleh Unit Psikologi yang memberi kenangan adalah seperti Program Ceramah Remaja, Gadjet Dan Populariti, Pesta Holy, Run With Sun, Salam Semut dan Outstanding Super Mentor, Extra-Ordinary Mentee (OSEM).

Secara keseluruhannya, program ini bertujuan memberi inspirasi kepada pelajar untuk menjadi seorang pelajar yang bagus dari segi akademik dan juga mempunyai sahsiah diri yang baik. Dengan adanya program dan aktiviti seperti ini, para pelajar boleh membina kemahiran soft skill seterusnya boleh diaplikasi apabila berada di alam pekerjaan





KAMSIS



Pihak KAMSIS telah melaksanakan pelbagai aktiviti pelajar melalui Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK) agar para pelajar dapat memenuhi masa yang terluang dengan aktiviti yang berfaedah. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah;

- Kem Kepimpinan Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman
- Majlis Iftar Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK) bersama Warden
- Program Transformasi Kepimpinan Pelajar dari Perspektif Islam

Program ini bertujuan untuk membentuk jati diri dan sifat kepimpinan pelajar dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Seterusnya ianya dapat memberi impak kepada organisasi JPKK secara khususnya dan Unit Kamsis secara umumnya.



PUSAT ISLAM

Pusat Islam merupakan antara tonggak terpenting yang menawarkan khidmat yang profesional di dalam membantu para pelajar meningkatkan kecemerlangan diri dari sudut pentadbiran dan pengurusan melalui Sahabat Pusat Islam (SUFI) yang berperanan menggerakkan Pusat Islam secara holistik. Antara aktiviti/program yang dilaksanakan sepanjang 2015 ialah;

- Iftar Asnaf
- Kursus Solat Sempurna
- Ramadan Bersama Imam Palestin
- Khatam Quran dan Iftar Perdana

Impak dari program yang telah dilaksanakan, dapat membentuk sahsiah dan akhlak pelajar serta meningkatkan kemahiran kepimpinan dalam diri mereka. Di samping itu juga, para pelajar dapat melatih diri untuk berbakti di tengah lapangan masyarakat.





Jalinan & Khidmat Komuniti

Pada tahun 2015, PNS telah menganjurkan dan terlibat dalam pelbagai program dan jalinan khidmat komuniti di dalam dan luar Malaysia. Hasil daripada program-program ini dapat memberi pendedahan kepada komuniti politeknik khasnya pelajar-pelajar mengenai semangat kerjasama dan keperihatinan kepada mereka yang memerlukan bantuan dan memupuk sikap bertanggungjawab dan keprihatinan serta semangat kepimpinan dalam diri setiap pelajar. Selain itu, para pelajar juga dapat menyemarakkan semangat kesukarelawan dalam diri mereka serta mempromosikan kesejahteraan serta keamanan sejagat kearah melahirkan IKON Sukarelawan Siswa di Pentas Global.



Program Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN Green Summer Volunteer Campaign 2015, Ho Chi Minh City Vietnam telah disertai oleh seorang Pelajar Politeknik Nilai Sri Balasubramaniam A/L Subramaniam. Program yang dianjurkan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa, Kementerian Pendidikan Malaysia diadakan pada 18 Julai Hingga 18 Ogos 2015

**Misi Sukarelawan
Siswa YSS -ASEAN**

LAWATAN KE RUMAH ANAK YATIM DAN MISKIN



Program Lawatan Rumah Anak Yatim dan Miskin telah diadakan pada 23 Ogos 2015 dan sasarannya adalah pelajar dan anak-anak yatim yang tinggal di kawasan kampung. Program ini merupakan satu platform bagi mendidik para pelajar sekaligus menerapkan sikap saling membantu dan memahami erti kehidupan.

Program ini dijayakan bersama oleh wakil Majlis Tertinggi dan Exco Pembimbing Rakan Siswa (PRSP), wakil daripada Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK), wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sahabat Pusat Islam (SUFU).

Hasil daripada program ini, para pelajar dapat memahami dan menyelami cara hidup anak yatim di kawasan luar bandar. Selain itu, program ini juga dapat memupuk sikap bertanggungjawab dan keprihatinan serta semangat kepimpinan dalam diri setiap pelajar.

KHIDMAT MASYARAKAT BERSAMA MAJLIS BELIA FELDA TROLAK DAN PENDUDUK FELDA GUNUNG BESOUT 2 TANJUNG MALIM PERAK

Program Lawatan dan khidmat Masyarakat Politeknik Nilai bersama MBF Wilayah Trolak bertempat di Felda Gunung Besout 02 telah dirasmikan oleh YB Dato' Mohd Khusairi b. Abd Talib, ADUN Slim pada 9/5/2015 & Majlis Penutup telah dirasmikan pada 10/5/2015 oleh En. Mohd. Haidir b. Moin Pen. Pengurus Besar Komuniti Felda Wilayah Trolak. Lawatan ini bertujuan untuk mengenalpasti peluang dalam bidang yang sesuai untuk dibangunkan bersama. Susulan daripada lawatan yang diadakan, Majlis Belia Felda Wilayah Trolak mencadangkan agar Jabatan Agro dan Bioteknologi Politeknik Nilai cuba mengkaji dan mengatasi masalah serangan ulat bungkus.



Misi Bantuan Banjir

- Siri 1 di SK Lebir, Maahad Muhammadi Gua Musang, Kelantan (2 hingga 4 Januari 2015)
- Siri 2, dilaksanakan pada 7 hingga 9 Januari 2015 bertempat di Sekolah Kebangsaan Kuala Krau, Sekolah Menengah Agama Darul Naim, Kuala Krau Temerloh, Pahang dan disertai oleh 14 orang staf Politeknik dan 65 orang pelajar.
- Siri 3 pada 25 hingga 26 April 2015 bertempat Sekolah Menengah Agama Darul Naim, Kuala Krau, Temerloh, Pahang.





LAPORAN TAHUNAN 2015

Politeknik Nilai Negeri Sembilan